PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(048-059)

"Diglosia" dan "Loyalti" Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai

Abd. Hadi Kudin
adilui1974@gmail.com

Karim Harun
linguist@ukm.edu.my

Pusat Bitara Bahasa Melayu,
Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini berkenaan masyarakat bahasa Orang Asli Semai (OAS) yang dijalankan di kawasan perkampungan Semai daerah Batang Padang, Tapah, Perak. Fokus kajian adalah tentang pemilihan bahasa dan 'diglosia' dalam masyarakat OAS. Metodologi yang diguna dalam kajian ini ialah metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan menerapkan kerangka kajian bidang sosiolinguistik sebagai landasan utamanya. Teori yang digunakan ialah pendekatan analisis domain Fishman (1972) yang meneliti pemilihan bahasa berdasarkan domain. Informan terdiri daripada masyarakat OAS yang ditemui di kawasan Batang Padang, Tapah, Perak berdasarkan penentuan sampel menggunakan teknik *accidently* seperti yang dinyatakan oleh Creswell (1998). Data rakaman diambil menggunakan pendekatan Domain Fishman (1972). Analisis kajian adalah berdasarkan kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapati tidak ada diglosia dalam masyarakat bahasa OAS. Bahasa Melayu (BM) merupakan bahasa yang berstatus tinggi sebagai bahasa perhubungan manakala BS sebagai bahasa bahasa ibunda sangat dihargai oleh mereka. Sikap loyalti terhadap bahasa ibunda ini membuatkan bahasa Semai semakin berkembang. Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan digunakan pada situasi tertentu khususnya dalam situasi formal. Tiada dialek BS atau variasi tertentu yang digunakan sebagai unsur diglosia namun BM telah memainkan peranan sebagai pengganti 'diglosia'dalam domain tertentu yang dianggap tinggi oleh masyarakat bahasa OAS.

Kata kunci: Pemilihan bahasa, bahasa Semai, bahasa Melayu, orang asli Semai, diglosia.

"Diglossia" and "Loyalty" of Language in the Orang Asli Semai Community

Abstracts

This study is related to the language of Orang Asli Semai (OAS) which conducted at Semai village in the district of Batang Padang, Perak. The focus of the study is about the language choice and 'diglossia' that exists in the society of the OAS community. The methodology used for this study is the method of literature review and field studies by applying the framework of sociolinguistic research field as its main foundation. The theory used in this researh is domain analysis approach by Fishman (1972) who studied the language selection based on domain.The subjects are the OAS met in Batang Padang, Perak by using accidently sampling techniques as noted by Creswell (1998), the

data recording taken after setting the background and a specific time by anyone who was on the field when the study began conducted. Data were analyzed using qualitative methods and focus on their attitude to the language and see the diglossia situations. The study found that people really appreciate the language of their OAS. The attitude of loyalty to the mother tongue, making the language is growing among the younger generation. Bahasa Melayu (BM) is a high-status language for OAS but not as a diglossia. BM is a lingua franca in society but it is more often used only in formal situations and on certain matters related to the 'situations'.

Keywords: *language choice, Semai language, Malay language, Semai people, diglossia.*

---

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang sangat penting dan menjadi lambang pemikiran manusia atau alat untuk membentuk idea (Benjamin Whorf 1956; Steinberg 1990). Melalui bahasa, manusia dapat berkomunikasi dengan baik dan menyatakan perasaan secara objektif dan lebih sempurna. Bahasa boleh menjadi lambang dalam melahirkan keinginan atau perasaan dalam diri seseorang. Dalam konteks kehidupan sosial manusia, bahasa dilihat dapat menzahirkan hati budi seseorang dan boleh mencerminkan akal budi sesuatu bangsa.

Sekumpulan manusia yang bertutur dengan menggunakan satu sistem bahasa yang sama dinamakan sebagai "masyarakat bahasa" (Fishman 1967). Masyarakat bahasa berkongsi cara penggunaan bahasa dan budaya yang sama dalam kelompok mereka. Masyarakat Orang Asli Semai (OAS) yang berada di Semenanjung Malaysia adalah salah satu contoh masyarakat bahasa kerana mereka mengamalkan cara berbahasa dan budaya yang sama.

Masyarakat Orang Asli Semai (OAS) merupakan etnik minoriti yang menggunakan bahasa Semai sebagai bahasa pertama (B1) dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2). Penggunaan bahasa dan budaya yang sama secara tidak langsung boleh menonjolkan akal dan budi sesuatu kelompok sebuah masyarakat jika dilihat daripada aspek bahasa (Aminudin Mansor, 2009; Nur Afiqah Wan Mansor, 2016).

2. Permasalahan kajian

BM sebagai bahasa kebangsaan wajib dikuasai oleh setiap lapisan rakyat di negara ini. Bagi masyarakat OAS, BM merupakan B2 yang dipelajari oleh mereka. Kebolehan seseorang bertutur dalam dua bahasa dalam istilah sosiolinguistik dinamakan sebagai dwibahasa. OAS dianggap sebagai masyarakat dwibahasa kerana mereka boleh bertutur dalam kedua-dua bahasa iaitu BM dan BS (Mohammad Aslam & Abdullah, 2004; Mohd Rasdi Bin Saamah, 2011).

Kepelbagaian bahasa dan budaya yang ada di negara ini menjadikan interaksi antara kaum-kaum yang ada termasuk kelompok minoriti OAS memerlukan satu bahasa yang difahami bersama sebagai alat perhubungan. Dalam konteks negara, BM telah memainkan peranannya sebagai bahasa lingua franca antara kaum-kaum di Malaysia. Telah termaktub dalam Perlembagaan Negara di bawah perkara 152 dan 153 bahawa BM diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia.

Kelainan bahasa boleh membataskan pergaulan dan mewujudkan jurang perhubungan sosial kepada masyarakat khususnya masyarakat minoriti OA dengan masyarakat arus perdana yang lain. Masalah komunikasi yang berlaku dikhuatiri akan menimbulkan perasaan yang kurang selesa antara satu kaum dengan kaum yang lain. Permasalahannya sejauh manakah penggunaan BM sebagai bahasa kebangsaan diaplikasikan oleh OA khususnya OAS dalam kehidupan sosial mereka dan bagaimana pula penggunaan bahasa Semai (BS) sebagai bahasa ibunda mereka digunakan? Apakah kesan daripada penggunaan kedua-dua bahasa ini dan pemilihan bahasa dalam interaksi sosial berlaku ke atas akal budi masyarakat OAS?

OA adalah kaum minoriti yang mengamalkan adat resam dan kesopanan dalam pertuturan yang menyamai orang Melayu (Sa'adiah Ma'alip 2011). Selain budaya Melayu, penggunaan BM juga sudah

menjadi kebiasaan dalam kalangan OA untuk berhubung dengan masyarakat atau kaum-kaum yang lain. Dalam interaksi sosial yang berlaku saban hari, seseorang itu harus cekap dalam pemilihan kata contohnya penggunaan kata-kata sapaan yang sesuai semasa bertutur atau berhubung dengan individu tertentu.

Kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan menjadikan BM mempunyai status yang tinggi dan mempunyai nilai ekonomi di negara ini (Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, 1982). Fungsi BM sebagai bahasa perhubungan dan bahasa kebangsaan harus dimanfaatkan supaya perpaduan dan kemesraan antara kaum dapat dieratkan seterusnya mengekalkan keharmonian kaum sedia ada. Walaupun terdapat segelintir OAS yang kurang mahir berbahasa Melayu terutamanya OAS di kawasan pedalaman atau segelintir golongan tua, namun kebanyakan OAS secara umumnya mengetahui BM pada tahap asas (Asmah Haji Omar, 1982). Tambahan pula, BM juga berperanan sebagai bahasa merentas kurikulum di sekolah dan wajib dipelajari sebagai bahasa kedua secara formal.

Kepentingan BM sebagai bahasa perhubungan memerlukan OAS berinteraksi menggunakan BM apabila berinteraksi dengan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Penggunaan BM sebagai alat utama komunikasi dalam domain sosial seperti di domain pendidikan, keagamaan dan jual beli menjadikan BM mempunyai nilai atau status yang tinggi dalam masyarakat. Kebolehan menggunakan BM dan BS dalam kalangan OAS adalah kebolehan dwibahasa yang secara tidak langsung melambangkan akal budi OAS sebagai rakyat Malaysia.

3. Objektif / Tujuan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui pemilihan bahasa yang dibuat dalam interaksi sosial OAS seterusnya melihat penggunaan BM sebagai B2 dan BS sebagai bahasa ibunda dalam mencerminkan akal budi OAS sebagai rakyat Malaysia. Sebagai masyarakat yang dwibahasa penggunaan kedua-dua bahasa tersebut dilihat dapat melambangkan akal budi dan kehidupan sosial OAS. Cerminan akal budi tersebut akan dihuraikan oleh pengkaji daripada aspek sosiolinguistik khususnya aspek dwibahasa dan diglosia yang akan dihuraikan dalam bahagian dapatan dan perbincangan.

Dwibahasa

Persoalan awal tentang dwibahasa pernah dibincangkan oleh Bloomfield (1935) dalam penulisannya yang terkenal bertajuk *Language*. Selepas huraian tentang konsep dwibahasa atau *bilingualism* diberikan oleh Bloomfield, banyak perdebatan telah berlaku dalam kalangan ahli sosiolinguistik sehingga timbul dua takrif yang berbeza tentang konsep dwibahasa atau *bilingualisme*.

Pendapat pertama yang memegang konsep tentang takrif dwibahasa didefinisikan secara agak ketat seperti Bloomfield (1935), Bram (1955), dan Ferguson (1971) manakala aliran kedua memegang konsep yang lebih sederhana seperti Fishman (1967), Weinreich (1968), Mackey (1972), Hymes (1974), Trudgill (1974), Fasold (1984), dan Dittmar (2008).

Aliran pertama menyatakan konsep dwibahasa sebagai kebolehan seseorang bertutur dalam dua bahasa mempunyai tahap penguasaan yang setara antara bahasa ibunda (B1) dengan bahasa kedua (B2). Pendapat golongan aliran kedua pula memberikan konsep secara agak sederhana seperti Fasold (1984) dan Mackey (1972) yang mengatakan dwibahasa sebagai kebolehan seseorang bertutur dalam dua jenis bahasa secara bergantian dalam perbualan atau interaksi sosialnya walaupun tahap pengetahuan bahasa kedua (B2) penutur hanya berada pada tahap minima. Dalam kajian ini pengkaji berpegang kepada pendapat yang kedua iaitu seseorang itu dianggap sebagai dwibahasa asalkan ia berupaya berkomunikasi dalam dua bahasa dengan menggunakan campur kod atau alih kod dalam bahasa kedua walaupun hanya pada peringkat kata sahaja.

Pengetahuan dwibahasa yang ada pada seseorang individu menyebabkan mereka harus memilih bahasa mana yang akan digunakan ketika berinteraksi sehingga mewujudkan fenomena *switching code* / penukaran kod (Appel & Musyken 1989; Asmah Haji Omar 1982). Kemungkinan bahasa yang digunakan dalam satu situasi tidak sama untuk digunakan dalam situasi yang berbeza dan tidak terjadi

secara sewenang-wenang. Dalam sosiolinguistik penggunaan bahasa Tinggi atau Ragam tinggi (T) digunakan dalam situasi yang lebih berprestij seperti dalam domain pendidikan dan domain keagamaan manakala bahasa Ragam rendah (R) digunakan secara umum seperti di pasar-pasar dan dalam kalangan ahli keluarga (Fasold 1984).

Berdasarkan konsep dwibahasa secara sederhana seperti pendapat Fasold (1984) dan beberapa ahli bahasa yang lain, OAS boleh kategorikan sebagai masyarakat dwibahasa kerana kebanyakan masyarakat OAS boleh berbahasa Melayu (sebagai bahasa kedua) dan berbahasa Semai (sebagai bahasa ibunda). Kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam perlembagaan negara serta statusnya sebagai lingua franca menjadikan BM wajib diketahui oleh masyarakat umum di Malaysia (Asmah Haji Omar, 1987).

Diglosia

Kepentingan dan penggunaan variasi bahasa dalam bahasa tertentu sebagai alat komunikasi dalam domain yang tinggi boleh mewujudkan diglosia dalam masyarakat bahasa (Ferguson 1971). Diglosia wujud kerana adanya dialek (sub bahasa) daripada dua variasi bahasa yang berbeza yang menjadi pilihan dalam interaksi dan variasi bahasa ini digunakan sebagai bahasa utama dalam pertuturan tersebut (Fishman 1967). Dalam sesebuah masyarakat keadaan diglosia boleh wujud seperti gambar rajah 1.1 di bawah:

Diglosia

1. Wujud diglosia dan juga dwibahasa	2. Dwibahasa tanpa diglosia
3. Wujud diglosia tetapi tidak dwibahasa	4. Tiada diglosia dan tidak dwibahasa

Gambar rajah 1.1 Perhubungan antara diglosia dengan dwibahasa (Fishman 1967).

Secara umumnya diglosia dilihat sebagai keadaan penggunaan satu variasi bahasa yang dianggap sebagai lebih tinggi dalam semua variasi bahasa yang ada. Contohnya dalam bahasa Melayu adanya bahasa istana yang dianggap digunakan sebagai bahasa yang tinggi. Penggunaan kata “beta” (saya), “ayahanda” (ayah) dan “bonda” (ibu) adalah sebagai contoh diglosia yang wujud dalam masyarakat bahasa yang menggunakan BM.

4. Sorotan Literatur

Orang Asli Semai (OAS) merupakan etnik pribumi yang tinggal di kawasan tengah Semenanjung Malaysia dan kebanyakannya berada di kawasan Banjaran Titiwangsa terutamanya bertumpu di negeri Perak (rujuk Jadual 1.1).

Jadual 1.1 Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri dan Kumpulan Kaum di Malaysia

Negeri	Senoi	Melayu Proto	Negrito	Jumlah
Johor	44	10,893	1	10,938
Kedah	0	0	196	196
Kelantan	9,720	19	1086	10,807
Melaka	27	1,208	0	1,235
Negeri Sembilan	73	8,381	0	8,454
Pahang	23,120	26,892	780	50,792
Pulau Pinang	0	0	0	0

Perak	40,856	410	1,575	42,841
Perlis	0	0	0	0
Selangor	4,651	10,556	3	15,210
Terengganu	682	45	30	757
W.P. Kuala Lumpur	0	0	0	0
Jumlah	79,155	58,404	3,671	141,230
%	56.0	41.4	2.6	100

Sumber: 'Orang Asli 1954-2009' (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Orang Asli 2011 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia)

Masyarakat Orang Asli Semai (OAS) merupakan salah satu kelompok masyarakat Orang Asli (OA) yang terbesar di negara ini. Dari segi etnik, OAS diletakkan di bawah kelompok OA kaum Senoi (OS). Kelompok kaum Orang Asli Senoi (OS) merupakan kumpulan OA yang terbesar di Malaysia iaitu berjumlah 79,155 orang atau merangkumi 56% daripada jumlah keseluruhan OA di negara ini (Bahagian Perancangan dan Pendidikan Orang Asli, 2011). Mengikut perangkaan JAKOA yang dikeluarkan pada tahun 2009 bilangan kelompok OS di Perak sahaja berjumlah 40,856 yang kebanyakannya merupakan suku kaum OAS yang menggunakan bahasa Semai (BS) sebagai bahasa ibunda mereka. Dalam BS terdapat beberapa dialek yang boleh dipecahkan mengikut kawasan geografi.

Secara umumnya BS boleh dibahagikan kepada bebarapa dialek yang dibahagikan mengikut lima kawasan yang berbeza iaitu BS dialek Telom, Perak Tengah, Cameron Highlands dan Jelai, Pahang Selatan dan Perak Selatan (Robert K. Dentan, 2003). Kebanyakan OAS boleh bertutur menggunakan lebih daripada satu bahasa iaitu bahasa Semai (BS) sebagai bahasa ibunda dan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan. Kebolehan masyarakat ini menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam interaksi harian diistilahkan sebagai dwibahasa dalam kajian sosiolinguistik. OAS menggunakan BS sebagai bahasa utama apabila berinteraksi sesama ahli keluarga dan menggunakan BM dalam situasi formal atau jika membincangkan perkara-perkara yang dianggap sangat penting bagi mereka.

Hassan Ahmad (2000) dalam artikelnya bertajuk "Ragam Bahasa Melayu" menghuraikan tentang diglosia dalam masyarakat pelbagai bahasa, pelbagai dialek dan ragam bahasa di Malaysia. Menurut beliau terdapat sekurang-kurangnya tiga pola penggunaan bahasa di Malaysia iaitu;

(a) *multilingualisme,* maksudnya penggunaan pelbagai bahasa yang berbeza-beza, misalannya bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan Dusun, dan banyak bahasa lagi;

(b) keadaan atau pola yang disebut *diglosia,* iaitu penggunaan dua atau lebih ragam bahasa daripada bahasa yang sama, dan

(c) penggunaan ragam bahasa yang disebut, menurut istilah umumnya, 'bahasa rojak'.

Menurut Hassan (2000) Orang Melayu di Malaysia mengetahui atau boleh menggunakan sekurang-kurangnya dua ragam bahasa Melayu, iaitu 'ragam bahasa rendah' atau ragam bahasa sosial, dan ragam bahasa Melayu yang disebut 'bahasa Melayu baku'. Ragam 'bahasa Melayu rendah' biasanya digunakan di rumah, dalam perbualan biasa yang tidak formal, untuk bersembang-sembang di pasar atau di kedai kopi, dan sebagainya.

Dalam kajian yang dilakukannya, beliau telah menghuraikan sebutan yang dikaitkan dengan dialek Johor-Riau, atau sebutan dialek Muar, contoh dalam menyebut huruf /a/ di akhir kata tertentu sebagai /e/ pepet. Huruf /r/ dibunyikan /gh/, misalnya 'berat', 'kerat' dan 'keras' disebut (beghat), (keghat) dan (keghas). Perkataan seperti 'besar' disebut (besau) atau (besao). Dalam 'ragam bahasa rendah' pula tidak mematuhi peraturan nahu atau tatabahasa bahasa Melayu baku. Ayat-ayat yang digunakan putus-putus, tidak lengkap, tetapi orang memahami bahasa jenis ini kerana 'makna'nya ada kaitannya dengan fungsi sosial bahasa tersebut.

Inilah 'identiti' bahasa Melayu. Menurut Hassan (2000) sebagai peraturan nahu dianggap 'baku' berasal daripada bahasa Jawa yang bererti 'mantap'. Dalam bahasa Inggeris disebut *standard Malay*. Sistem nahu inilah yang diajarkan dan dipelajari di sekolah. Perkara luar biasa yang terdapat dalam pola penggunaan bahasa Melayu sejak mutakhir inilah ragam bahasa yang disebut 'bahasa rojak'. Dalam kajian sosiologi bahasa istilah yang digunakan ialah *code switching* atau 'pemindahan kod bahasa' dan *code- mixture* atau 'campur-baur kod bahasa'.

Fenomena ini berlaku apabila pengucap asli bahasa Melayu memindah-mindahkan atau mencampurbaurkan unsur (kod) bahasa Melayu dengan unsur bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Ragam bahasa rojak ini juga boleh berlaku apabila orang Melayu mencampuradukkan unsur atau norma bahasa Melayu baku dengan unsur ragam 'bahasa Melayu rendah' atau dengan unsur-unsur dialek atau loghat bahasa Melayu tetapi jenis ini tidak begitu serius jika dibandingkan dengan jenis pertama, iaitu campur-baur antara unsur bahasa Melayu baku dengan unsur bahasa Inggeris.

Menurut Hassan (2000) penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa tinggi (T1) dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tinggi (T2) telah menerbitkan bahasa rojak yang mengikis martabat bahasa Melayu. Tanda-tandanya sudah mula kelihatan hari ini. Beliau menyatakan kepentingan alatan seperti media elektronik menjadi salah satu saluran negara yang utama untuk menolak 'bahasa pinggiran dan bahasa picisan' di media dan memupuk budaya bahasa baku atau budaya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang baku sebagai acuan atau contoh yang dapat ditiru dan dihayati oleh rakyat. Maka biarkanlah orang terus menggunakan ragam-ragam bahasa tidak baku di luar sistem 'publik' dan rasmi ini.

5. Metodologi

Penelitian kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif. Domain yang dijadikan fokus dalam kajian ini ialah domain keagamaan. Manakala kerangka kajian Fishman (1972) digunakan untuk melihat pemilihan bahasa masyarakat OAS dan meneliti kewujudan unsur diglosia dalam pemilihan bahasa yang berlaku dalam masyarakat bahasa OAS. Teknik rakaman perbualan digunakan bagi mengumpul data yang kemudiannya ditranskripsikan untuk melihat pemilihan bahasa OAS dan melihat sama ada wujudnya diglosia dalam masyarakat bahasa OAS.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

BS juga seperti bahasa-bahasa yang lain mempunyai subdialek atau beberapa idiolek yang berbeza berdasarkan lokasi geografi. Pertuturan masyarakat OAS Perak (iaitu Orang Asli yang memang berasal dari Batang Padang) dengan bahasa OAS yang datang dari Cameron Highland (yang datang dari Pahang) ada sedikit perbezaan. Namun perbezaan yang berlaku dapat difahami dari segi maksud oleh kedua-dua etnik OAS ini ketika mereka berkomunikasi sesama sendiri (Dentan 2003). Berdasarkan pemerhatian dan rakaman perbualan yang dilakukan, pengkaji mendapati OAS yang berinteraksi sesama mereka menggunakan dialek daerah asal mereka masing-masing contohnya apabila OAS Cameron berbual dengan OAS Batang Padang mereka tidak mengubah dialek asal daerah asal masing-masing semasa berinteraksi iaitu semasa berlakunya interaksi OAS Cameron akan menggunakan BS Pahang manakala OAS Batang Padang akan menggunakan dialek OAS Perak. Contoh perbezaan dalam dialek tersebut boleh dilihat pada sebutan h**ɛ**k/kamu (Semai Batang Padang) dan h**e**k/kamu (Semai Cameron) dan juga **e**ŋ/saya (Semai Cameron) dan **ɛ**ŋ/saya (Semai Batang Padang) yang mana /e/ bagi Semai Cameron kedudukan lidah dihamparkan dan tepi lidah menyentuh gigi manakala /e/ bagi Semai Cameron pula menjadi separuh hampar.

Diglosia dalam masyarakat bahasa OAS agak sukar ditentukan kerana perbezaan yang agak tipis di antara sikap ke atas penggunaan bahasa tinggi (T) dan sikap loyalti kepada bahasa ibunda mereka atau daerah asal OAS tersebut. Perbezaan-perbezaan perbezaan tersebut hanya boleh ditentukan selepas meneliti penggunaan bahasa yang dianggap bahasa T dan penggunaan bahasa R dalam beberapa domain yang dikaji. Dalam masyarakat bahasa OAS, BM dianggap bahasa T kerana status BM sebagai bahasa kebangsaan serta pemerolehan BM sebagai Ragam T adalah secara dipelajari dalam pendidikan formal,

sedangkan Ragam Rendah (R) diperoleh dari pergaulan dengan keluarga dan teman-teman atau diperoleh melalui ibu bapa atau keluarga. Penggunaan BM dalam pertuturan dilihat berfungsi sebagai Ragam T kerana BM digunakan dalam situasi formal. Dalam situasi tidak formal pula penggunaan BM dipandang sebagai ragam yang menunjukkan seseorang itu mempunyai pendidikan yang tinggi atau seseorang yang berwibawa.

Dalam masyarakat bahasa, diglosia tidak wujud jika tidak ada variasi bahasa yang dijadikan bahasa utama yang statusnya dianggap lebih tinggi di antara variasi bahasa yang digunakan / ketika komunikasi atau interaksi berlaku (Fishman 1967; Li Wei 2000). Bagi masyarakat OAS, ketidakwujudan variasi bahasa Semai yang digunakan dalam domain tinggi mengakibatkan mereka menggunakan dialek asal daerah masing-masing namun dalam situasi formal, BM dipilih sebagai bahasa pengantar atau perbincangan yang melibatkan isu-isu penting. Kewujudan BM sebagai bahasa yang berstatus tinggi kerana BM diiktiraf dalam Perlembagaan negara. Justeru, penggunaan BM dilihat sebagai penggganti diglosia yang tidak wujud dalam masyarakat bahasa OAS.

Penggunaan BM dalam domain yang dianggap tinggi boleh dilihat dalam rakaman perbualan yang diambil semasa di surau seperti ayat di bawah ini (B=bapa, R=responden, L=lelaki):

BRL : /ku skolah mɔŋ ka kek **bəlajar səmayaŋ hari** ma/
(kat sekolah ada ke korang belajar sembahyang…hari apa)
"Di sekolah ada tak kamu belajar sembahyang…hari apa?"

RL : /isnin/
(isnin)
"Isnin!"

BRL : /ustad ma **məŋajar**/
(ustad apa mengajar)
"Siapakah ustaz yang mengajar tu?"

RL : /ustazah rohana/
(ustazah Rohana)
"Ustazah Rohana!"

DRL : /kigəi ku blɔk.. tapah..ke**ʔ belajar** qurʔan ku bɔʔ…fardu ʔain…/
(dia tinggal kat mana…Tapah…korang belajar quran kat siapa..fardhu ain)
"Dia tinggal di mana…Tapah…kamu belajar al-quran dengan siapa…Fardhu Ain?"

BR : /ustad razaʔ…**hari hari**/
(ustad Razak..hari-hari)
"Ustaz Razak mengajar kelas al-quran pada setiap hari".

Dari sudut sosiolinguistik, penggunaan BM pada huruf yang **digelapkan** dalam dialog di atas menunjukkan penekanan tentang kepentingan fardhu ain / belajar al-quran dalam pendidikan agama. Walau bagaimanapun perbualan tersebut berlaku dalam keadaan yang kurang lancar disebabkan oleh dua faktor utama iaitu faktor 'latar' iaitu fungsi surau sebagai tempat ibadat umat islam; dan faktor 'norma' iaitu perasaan malu / perasaan hormat yang tinggi terhadap orang yang lebih tua yang menjadi amalan atau budaya dalam masyarakat Semai. Dalam konteks agama Islam perbincangan yang berkaitan hal-hal duniawi di dalam surau atau masjid adalah tidak digalakkan manakala sikap sopan dalam perbualan antara orang muda dengan orang yang lebih tua merupkan satu 'norma' dalam budaya masyarakat Semai yang

dapat mencerminkan akal budi mereka. Kedua-dua faktor tersebut dilihat selari dengan variabel sosiolinguistik yang mempengaruhi pemilihan bahasa seperti yang digariskan oleh Dell Hymes (1967) dalam etnografi komunikasi (*Grid SPEAKING* sebagai variabel sosiolinguistik).

Dalam aspek keagamaan, kebanyakan OAS adalah penganut agama Kristian. Pengajaran agama kristian dilakukan pada hari Ahad di gereja dalam kawasan perkampungan mereka. Lihat monolog Pastor semasa menyampaikan ajaran kristian di gereja Kampong Kenderong, Batang Padang, Tapah:

> **Pastor:** /səlamat pagi tərima kasih dapat *hik* bəsyukur slalu hariʔ *dɛh* adalah hari pilihan bapaʔ…məlalui anaʔ bapaʔ sampai *rɔʔjih adɛh* bagai iyalah guru bapaʔ *jey* meŋakuʔi kələmahan dan pərbuatan yaŋ di hadapan bapaʔ tətapi yaŋ maha bənar kitab tertulis daripada termakmur supaya *jey* pun bersyukur di hadapan bapaʔ akan *bəgey adɛh* kəhəndaʔ bapaʔ namor dua ya kudus agar səntiasɛ melakukan taŋguŋ ˇjawab *kek padɛh*….ˇjangan *hik* biarkan *manah* pəngalaman *hik* tərgugat kərana duniyãwi tuhan bərombaʔ..berguyah guyah sehiŋga məɲəbabkan fikiran dan pərasaʔan *hik* tĕrsesat tərhɛrɛt dan jugaʔ tərtindas tətapi walau bagaimanapun dialah roh kudus məmbantu walaupun **ne her mur**[1] tetap ya tuhan/.

> **Transkripsi- Pastor:** "Selamat pagi. Terima kasih semua. Bersyukur kita pada hari ini sebagai hari pilihan bapa…melalui anak bapa sampai kata kepada kami. Guru bapa itu mengakui kelemahan dan perbuatan di hadapan bapa tetapi yang maha benar dalam kitab tertulis daripada tuhan supaya kita bersyukur di hadapan bapa seperti kehendak bapa nombor dua melalui tanggung jawab orang-orang di sini..jangan kita biarkan lama-lama. Pengalaman yang tergugat kerana duniawi tuhan, berombak-ombak…bergoyah-goyah sehingga boleh menyebabkan fikiran dan perasaan kita teresat…terheret…dan juga tertindas tetapi walau bagai manapun dialah roh kudus membantu walaupun **ne her mur** ya tuhan".

Domain keagamaan merupakan domain yang tinggi dalam sesebuah intitusi masyarakat (Bell 2014, Hoffman 2014, Sukardi Gau 2012, Trudgill 1974, dan Wardhaugh 2006). Bagi OAS, BM dijadikan sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan digunakan dalam acara rasmi keagamaan. Temu bual yang dilakukan juga menunjukkan faktor sosial dari segi taraf pendidikan turut mempengaruhi penggunaan BM dalam interaksi sosial masyarakat OAS.

Dalam temu bual pengkaji dengan Pastor mendapati Pastor adalah OAS yang berasal dari kampung Batu 12, Tapah dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Tapah. Informan yang berumur 52 tahun ini boleh menyampaikan ajaran agama kristian dan bertutur dalam BM dengan fasih. Hal ini dibuktikan dengan monolog upacara agama itu yang menggunakan kitab Injil versi BM. Dari penggunaan bahasa dapat mencerminkan akal budi masyarakat OAS khususnya golongan yang terpelajar yang dilihat lebih intelektual terutamanya oleh masyarakat OAS itu sendiri.

[1] Tidak dapat ditranskrip kerana menurut pembantu penyelidik perkataaan ini bukan BS atau dialek lain yang tidak diketahui atau juga kemungkinan bahasa keagamaan yang lama.

BM sebagai bahasa yang berstatus tinggi secara umumnya menjadi bahasa yang digunakan dalam pengajaran agama dan acara formal yang lain, namun oleh kerana sifat bilingual yang ada pada Pastor menyebabkan dalam peruturan tersebut terdapat unsur campur kod BS contohnya /kek padɛh/ - korang sini. Penukaran kod dilihat berlaku di dalam pertuturan Pastor daripada BM-BS semasa situasi formal atau dalam domain tinggi (domain keagamaan) kerana sebagai masyarakat dwibahasa situasi alih kod seringkali berlaku dalam satu-satu ayat yang pesertanya adalah dwibahasa atau multi bahasa (Gumperz 1982).

Dalam masyarakat bahasa OAS tidak wujud unsur diglosia kerana mereka tidak menggunakan variasi BS yang khusus dalam domain yang tinggi seperti domain keagamaan dan domain pendidikan. Terdapat situasi masyarakat Semai yang berlainan dialek menggunakan dialek masing-masing apabila berinteraksi sesama mereka. Perbualan yang menggunakan berlainan variasi ini boleh ditemui di daerah Batang Padang kerana kawasan ini menjadi kawasan tumpuan masyarakat Semai dari Cameron (Pahang) dan Semai Batang Padang/Jelai/Betau (Perak).

BM digunakan dalam domain T iaitu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran agama. Walaupun masyarakat Semai di Batang Padang teridiri daripada pelbagai subetnik namun apabila berinteraksi dalam domain keagamaan yang dianggap sebagai domain tinggi, OAS akan menggunakan BM sebagai bahasa keagamaan. Namun demikian, dalam perbualan santai OAS akan menggunakan dialek masing-masing dan perbezaan dialek ini tidak menjejaskan pemahaman dalam perbualan kerana mereka saling memahami walaupun menggunakan dialek BS yang berbeza. Penggunaan BS dalam interaksi sosial menunjukkan sikap loyalti mereka yang menghargai bahasa ibunda masing-masing. Dalam perbualan yang berlaku, Informan kerap menggunakan bahasa Semai sesama mereka. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya semasa upacara di gereja diperhatikan, perbualan banyak menggunakan BM seperti penyampaian ceramah oleh Pastor dan nyanyian daripada kumpulan keagamaan yang dilihat menggunakan BM.

Hasil kajian mendapati tidak wujud bentuk diglosia dalam masyarakat OAS. Bahasa Melayu dijadikan bahasa Tinggi (T) oleh OAS kerana status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang diiktiraf dan termaktub dalam perlembagaan negara (rujuk Jadual 2.1). Walau bagaimanapun pengaruh BS amat tinggi kerana sikap loyalti bahasa yang ada dalam diri masyarakat OAS. Sikap loyalti kepada bahasa ibunda ditunjukkan melalui sikap OAS yang lebih suka menggunakan BS atau dialek Semai tempat asal mereka khususnya dalam situasi perbualan yang tidak formal atau perbualan yang berlaku sesama etnik / ahli keluarga.

Jadual 2.1 Penggunaan bahasa dalam masyarakat bahasa OAS

T	T1	Bahasa Melayu Standard, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab – dalam domain keagamaan/formal
	T2	Bahasa Melayu (Kolokial) dan Bahasa Inggeris (Kolokial) – dalam domain keluarga, masyarakat dan persahabatan
R	R1	Bahasa Semai, bahasa Pasar (Pijin) – dalam domain persahabatan dan keluarga
	R2	Variasi Bahasa Semai luar Batang Padang dan Etnik lain seperti Temuan dan Temiar – dalam domain persahabatan, kejiranan

Dalam domain tinggi, penelitian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati kebanyakan OAS tidak mahu menggunakan BM jika berbual sesama mereka / sesama etnik. Berdasarkan temu bual terhadap informan di lapangan, OAS tidak mahu menggunakan BM ketika berbual sesama etnik kerana mereka tidak mahu dianggap sebagai seorang yang berlagak sesama kaum mereka. Situasi begini mengakibatkan OAS lebih suka menggunakan BS ketika bertutur sesama mereka.

Dalam monolog Pastor, data menunjukkan berlaku pertukaran ucapan BS-BM dengan petikan ucapan yang dimiliki oleh dua sistem tatabahasa yang berbeza. Pemilihan BM dalam domain keagamaan membuktikan BM dapat memainkan peranannya sebagai bahasa berstatus tinggi serta menunjukkan akal dan budi bangsa yang maju khususnya kepada OAS sebagai rakyat Malaysia. Walaupun dari sudut sosiolinguistik BM digunakan sebagai bahasa tinggi oleh masyarakat OAS namun BS sebagai bahasa ibunda tetap dihargai oleh mereka. Sikap loyalti kepada bahasa ibunda ini menyebabkan bahasa ini terus berkembang seiring dengan pertambahan populasi masyarakat OAS.

7. Implikasi

Masyarakat OAS mempunyai satu adat dan budaya yang amat unik. Keunikan bahasa, adat dan budaya masyarakat ini ditambah lagi dengan kebolehan dwibahasa menyebabkan OAS lebih stabil dari sudut sosial, ekonomi dan politiknya. Sikap loyalti mereka terhadap bahasa ibunda menunjukkan semangat cintakan budaya dan identiti bangsa. Penggunaan BM sebagai bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi dan membincangkan perkara-perkara penting menunjukkan BM sebagai bahasa berstatus tinggi kepada OAS.

Kajian terhadap informan yang berkahwin campur dengan masyarakat ini (contohnya **Semai** + Temiar) juga mendapati anak-anak daripada perkahwinan campur memperolehi kedua-dua bahasa daripada ibu bapa yang berlainan etnik. Walau bagaimanapun atas sebab faktor loyalti bahasa OAS terhadap bahasa ibunda mereka dan bilangan etnik OAS yang agak besar di Batang Padang, BS dilihat menjadi bahasa kedua penting selepas BM (etnik lain yang berkahwin campur dengan masyarakat ini lama kelamaan akan mempelajari dan menggunakan BS).

8. Kesimpulan

Penggunaan BM sebagai bahasa dalam situasi formal menunjukkan BM sebagai bahasa yang berstatus tinggi. Penggunaan BM dalam domain sosial OAS terutamanya dalam situasi yang formal dapat mencerminkan akal budi bangsa dalam masyarakat OAS sebagai kaum yang mematuhi perkara 152 dan 153 dalam perlembagaan negara.

Masyarakat OAS menggunakan BM dalam situasi tertentu khususnya dalam situasi formal seperti di sekolah dan di institusi keagamaan manakala BS digunakan dalam lingkungan keluarga atau dalam kalangan suku kaum yang sama. Penggunaan BM dalam situasi formal dianggap sebagai bahasa yang berstatus tinggi oleh OAS.Walau bagaimanapun OAS lebih suka menggunakan BS dalam interaksi sosial antara sesama etnik kerana mereka sangat menghargai bahasa ibunda mereka. Sikap loyalti kepada bahasa ibunda menyebabkan bahasa Semai semakin berkembang.

Kesimpulannya diglosia tidak wujud dalam masyarakat bahasa OAS. Dalam domain yang dianggap tinggi seperti domain keagamaan, BM digunakan sebagai pengantar kerana status BM sebagai bahasa yang berprestij dan termaktub sebagai bahasa kebangsaan dalam perlembagaan negara. BS sering digunakan dalam interaksi sosial terutama dalam lingkungan sesama etnik manakala BM digunakan dalam perhubungan sosial yang agak terbatas penggunaannya (dalam situasi formal). Penggunaan BM oleh masyarakat OAS dalam domain tinggi menunjukkan OAS mencerminkan akal budi bangsa yang mendukung semangat penyatuan dalam aspirasi negara.

9. Rujukan

Aminudin Mansor. (2009). Konsep “ Akal Budi ” dalam Sastera Melayu. *Jurnal ASWARA*, 3–43.

Appel. R dan Musyken, P. (1989). *Language contact and bilingualism*. *Lingua* (Vol. 79). London: Edword Arnold. https://doi.org/10.1016/0024-3841(89)90072-7

Asmah Haji Omar. (1982). *Language and society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1987). *Malay In Its Sociolicultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Ministry of Education Kuala Lumpur.

Bahagian Perancangan dan Pendidikan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: JAKOA.

Bell, A. (2014). *The Guidebook To Sociolinguistics* (First Edit). UK: WILEY Blackwell.

Benjamin Lee Whorf. (1956). *Language, Thought, and Reality: Selected Writing of Benjamin Lee Whorf*. (J. B. (Peny) Caroll, Ed.). Cambridge, Mass: MIT Press.

Bloomfield, L. (1935). *Language*. (Fourteenth Impression 1979, Ed.). London: Goerge Allen & Unwin LTD 40 Museum Street.

Bram, J. (1955). *Language and Society*. New York: Random House.

Danny D. Steinberg. (1990). *Psikolinguistik Bahasa, Akal Budi, dan Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dell Hymes. (1967). Models of Interactions of Language and Social Setting. *Journal of Socials*, (2), 8–28.

Dittmar, N. (2008). *Sociolinguistics, Part 1. An International Handbook of the Science of Language and Society*. Retrieved from http://www.worldcat.org/oclc/609843726

Fasold, R. (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.

Ferguson, C. A. (1971). *Language Structure and Language Use*. Stanford, CA: Stanford University Press.

Fishman, J. A. (1967). Bilingualism with and without diglosia; diglosia with and without bilingualism. *Journal of Science*, (32), 29–38.

Fishman, J. A. (1972). *A brief introduction*. Massachusetts: Newbury House Publishers.

Fishman, J. A. (1972). *Language and Nationalism: Two Integrative Essays*. Massachusetts: Newbury House.

Hassan Ahmad. (2000). Ragam bahasa Melayu. Retrieved June 3, 2017, from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0207&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_01.htm

Hoffman, M. (2014). Sociolinguistic Interviews. In J. H. and K. Hazen (Ed.), *Research Methods In Sociolinguistics A Practical Guide* (p. 30). UK: WILEY Blackwell.

Hymes, D. . (1974). *Faoundations of Sociolinguistics : An Ethnograpic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania.

John J.Gumperz. (1982). Introduction:Language and Communication. Retrieved from http://www.isites.harvard.edu/fs/docs/icb.topic1270717.files/Gumperz_interviev.pdf

John W. Creswell. (1998). *Qualitative Inquiry And Research Design Choosing Among Five Traditions*. (C. D. Laughton, Ed.). London: SAGE Publications.

Li Wei. (2000). *Dimensions of bilingualism*. (Li Wei, Ed.), *The Bilingualism Reader* (First Publ). London and Newyork: Routledge Taylor & Francis Group.

Mackey, W. F. (1972). *The Description of Bilingualism*. Paris: Mouton.

Mohammad Aslam, M. M., & Abdullah, S. (2004). Pembentukan Nilai-nilai Murni masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal. *Seminar Antarabangsa Nilai Dan Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*.

Mohd Rasdi Bin Saamah. (2011). Alam Dan Budaya Dalam Bahasa Kiasan Bahasa Semai. *Gema Onnline*.

Nur Afiqah Wan Mansor, N. H. J. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu : Mempertalikan Komunikasi , Kognisi Dan Semantik the Implicit Meaning in Malay Figurative Language : Synergising Communication ,. *Jurnal Komunikasi*, *32*(1), 189–206. Retrieved from http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2016/V32_1_10.pdf

Peter Trudgill. (1974). *Sociolinguistics*. Middlesex: Penguin Books.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain. (1982). *Pembinaan Bahasa Melayu* (Cetakan Pe). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.

Robert K. Dentan. (2003). Againts the Kingdom of the Beast: Semai Theology, Pre-Aryan Religion, and the Dynamics of Abjection. In Geoffrey Benjamin & Cynthia Chou (Ed.), *Tribal Communities in the Malay-World: Historical, Cultural and Social Perpective* (pp. 206–236). Singapore: Institut of Southeast Asian Studies, Singapore.

Sukardi Gau. (2012). *Penggunaan Bahasa Di Kalangan Komuniti Bugis: Kajian Kes di Jayapura, Papua (Indonesia)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Trudgill, P. (1974). *Sociolinguistic : An Introduction*. Middlesex: Penguin Books.

Wardhaugh, R. (2006). *An Introduction to Sociolinguistics* (Fifth Edit). Victoria: Blackwell Publishing.

Weinreich, U., Labov, W., & Herzog, M. (1968). Empirical foundations for a theory of language change. In *Directions for Historical Linguistics* (pp. 95–189). Retrieved from http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Empirical+Foundations+for+a+Theory+of+Language+Change#0%5Cnhttp://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Empirical+foundations+for+a+theory+of+language+change%230